# LAPORAN TAHUNAN

ANNUAL REPORT

2018

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| SIDANG REDAKSI LAPORAN TAHUNAN IADA BARAT LAUT SELANGOR | 3 |
| PRAKATA PENGARAH | 5 |
| CARTA ORGANISASI | 6 |
| WARGA KERJA IADA BARAT LAUT SELANGOR | 7 |
| OBJEKTIF, MISI, VISI DAN SENARAI FUNGSI | 10 |
| PENGENALAN IADA BARAT LAUT SELANGOR | 12 |
| RINGKASAN EKSEKUTIF PENYIASATAN PENGELUARAN PADI (PPP) | 17 |
| PRESTASI KEWANGAN IADA BARAT LAUT SELANGOR 2018 | 23 |
| PRESTASI KESELURUHAN PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN | |
| PRESTASI PERUNTUKAN MENGURUS | |
| PRESTASI PERUNTUKAN PEMBANGUNAN | |
| LAPORAN BAHAGIAN | 27 |
| BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN | |
| BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMANTAUAN | |
| BAHAGIAN PERTANIAN | |
| BAHAGIAN KEJURUTERAAN PERTANIAN | |
| BAHAGIAN LPP | |
| PERJAWATAN | 85 |




# SIDANG REDAKSI
## IADA BARAT LAUT SELANGOR

### PENASIHAT

Eliyas Bin Saad

### KETUA EDITOR

Lailatullaila Binti Shaari

### EDITOR

Norsazwani Binti Rusdi

### SIDANG PENGARANG

Suhaili Binti Sahari


Laynil Hakih Binti Sulhan


Noraini Binti Torman


Mohammad Halim Al-Hafiz Bin Ramli

### JURUFOTO

Borhan Bin Abdullah


Nurul Azmy Bin Mohd Ngamal



# KATA ALUAN PENGARAH

## ELIYAS BIN SAAD

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, terlebih dahulu setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan-Nya IADA Barat Laut Selangor berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan Edisi Ke-6 bagi tahun 2018. Sekalung penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyempurnakan penerbitan Buku Laporan Tahunan ini khususnya Jawatankuasa Sidang Ridaksi yang begitu komited dalam menyumbangkan maklumat serta idea yang memberangsangkan.

Buku Laporan Tahunan merupakan dokumentasi bertulis dan bergambar yang merakamkan aktiviti, program dan projek yang dilaksana dan dicapai dalam satu-satu tahun. Kandungannya boleh dimanfaatkan oleh semua pembaca khasnya kakitangan dan pelanggan-pelanggan sebagai rujukan dan informasi berkaitan isu-isu dan aktiviti IADA Barat Laut Selangor. Ini bertepatan dengan misi kita iaitu mentransformasikan sektor agromakanan supaya menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetatif. Dalam usaha mencapai matlamat ini, perancangan dan pelaksanaan pelbagai program pembangunan telah dilakukan sama ada dalam sektor padi dan industri asas tani.

***Prestasi Kewangan***

Peruntukan yang diperolehi pada tahun 2018 adalah sebanyak RM 10,171,230.00 dan daripada peruntukan ini, sebanyak RM 7,788,000.00 iaitu RM 6,011,300.00(Mengurus), RM1,770,000.00 (Pemberian O & M) dan RM6,700.00 (Harta Modal) adalah peruntukan di bawah Peruntukan Mengurus manakala RM 2,383,230.00 di bawah Peruntukan Pembangunan. Sehingga berakhirnya 2018, IADA Barat Laut Selangor telah membelanjakan RM 7,300,185.36 (93.74%) bagi peruntukan mengurus dan RM 2,383,138.34 (100%) bagi peruntukan pembangunan.

***Pencapaian IADA Barat Laut Selangor***

Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor melibatkan dua daerah iaitu Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Pengurusan projek ini dibahagikan mengikut blok melibatkan lapan blok iaitu Sawah Sempadan, Sungai Burong, Sekinchan, Sungai Leman, Pasir Panjang, Sungai Nipah, Panchang Bedena dan Bagan Terap dengan jumlah keluasan parcel padi 18,354 hektar sehingga berakhir 2018.

Keluasan bertanam pada 2018 adalah 18,354 hektar (Musim Utama) dan 18,354 hektar (Luar Musim) membawa jumlah 36,708 hektar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 174,432 tan metrik padi bersih. Purata hasil padi bagi 2018 iaitu 4.73 mt/ha meningkat sebanyak 4.87% berbanding 4.51 mt/ha pada 2017. Purata hasil padi tertinggi yang direkodkan sejak tahun 2004 adalah pada Luar Musim 2014 iaitu 6.560 mt/ha.

Disamping itu juga, projek pembangunan seperti Projek Pengurusan Integrasi Tanaman Padi Berasaskan Konsep Kejuruteraan Ekologi di Pancang Bedena, Sabak Bernam dan Projek peningkatkan Intensiti Tanaman Padi Kepada 5 Kali 2 Tahun di Sawah Sempadan, Tanjung Karang telah dilaporakan bagi tahun 2018. Kedua-dua projek ini merupakan kajian yang dilaksanakan di Sungai Haji Dorani dan Sawah Sempadan dengan kerjasama dari MARDI. Ia bertujuan bagi memaksimumkan pengeluaran padi disamping mengamalkan kaedah Kejuruteraan Ekologi dalam melaksanakan penanaman padi di kawasan Jelapang Selangor.

Selain daripada pembangunan dalam sektor padi, IADA Barat Laut Selangor juga terlibat dalam aktiviti pembangunan usahawan industri asas tani. Bagi tahun 2018, usahawan IAT berjaya dibantu melibatkan pengubahsuaian pusat pemasaran, pembekalan peralatan pemprosesan, publisiti dan promosi serta Modal Insan dengan peruntukan berjumlah RM 115,000.00.

Akhir kata saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas segala bimbingan dan nasihat serta tenaga dalam merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan sama ada dalam sektor padi mahupun industri asas tani.

***ELIYAS BIN SAAD***
***Pengarah IADA Barat Laut Selangor***

# CARTA INDUK ORGANISASI IADA BARAT LAUT SELANGOR TAHUN 2018

**INDUSTRI PADI DAN BERAS KEMENTERIAN PERTANIAN INDUSTRI ASAS TANI**
SETIAUSAHA BAHAGIAN
PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK, JUSA C
**SHAMSUDDIN BIN ISMAIL**

**IADA BARAT LAUT SELANGOR**
PENGARAH
PEGAWAI PERTANIAN, G52
**ELIYAS BIN SAAD**

PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT, N30
**NORIDAH BINTI LEMAN**

**BAHAGIAN PERTANIAN**
TIMBALAN PENGARAH (PERTANIAN)
PEGAWAI PERTANIAN, G48
**ZAIFIWAN BIN MAT ZIN**

**BAHAGIAN KEJURUTERAAN PERTANIAN**
TIMBALAN PENGARAH (KEJURUTERAAN)
JURUTERA PROJEK, J48
**SYAMSUL ZURAIDAH @ FADHILAH BINTI ZAINUDIN**

**BAHAGIAN LPP**
PEGAWAI PELADANG DAERAH
PEGAWAI EHWAL EKONOMI, E44
**TASLIAHWIZNAH BINTI MD TALIP**

**BAHAGIAN PERANCANGAN & PEMANTAUAN**
TIMBALAN PENGARAH (PERANCANGAN)
PEGAWAI PERTANIAN, G41/G44
**LAILATULLAILA BINTI SHAARI**

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**
TIMBALAN PENGARAH (PENGURUSAN)
PENOLONG PEGAWAI TADBIR, N32
**ASPARINA BINTI MOHD JOHAN**




# KAKITANGAN 2018











PERHIMPUNA
Galeri





## OBJEKTIF

Menerajui proses transformasi sektor agromakanan secara terancang, bersepadu dan menyeluruh kearah pencapaian matlamat dasar agro makanan. Mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber pengeluaran bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara. Memastikan sistem dan infrastruktur pertanian berfungsi dengan sempurna arah pengurusan air yang efisyen. Meningkatkan pendapatan golongan sasar

## MISI

Mentransformasikan sektor agromakanan supaya menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetatif

## VISI

Menjadikan IADA Barat Laut Selangor sebagai penyumbang pengeluaran agromakanan Negara.



## FUNGSI IADA BARAT LAUT SELANGOR

1. Merancang, menyelaras, melaksana, dan memantau program pembangunan pertanian dalam IADA Barat Laut Selangor.
2. Menyediakan kerangka transformasi dalam meningkatkan kuantiti dan kualiti makanan negara.
3. Meningkatkan pengeluaran makanan bagi memenuhi tahap sara diri (SSL) negara dan mengurangkan kebergantungan terhadap import.
4. Menyedia, menyelenggara dan menaik taraf infrastruktur pertanian.
5. Memberi khidmat sokongan yang cekap dan berkesan.
6. Meningkatkan pendapatan golongan sasar kearah negara berpendapatan tinggi.

## FUNGSI BAHAGIAN PERTANIAN

1. Mewujudkan kumpulan tenaga yang terlatih dan mahir untuk keperluan industry pertanian.
2. Meningkatkan produktiviti pengeluaran tanaman padi di kawasan Barat Laut Selangor bagi mencapai hasil purata 10 tan/Ha semusim.
3 Mewujudkan golongan petani yang progresif, berdikari dan mahir dalam pengeluaran padi bagi memberikan produktiviti yang tinggi.

## FUNGSI BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

Memastikan sIstem dan infrastruktur pertanian berfungsi dengan sempurna ke arah pengurusan air yang efisyen

## FUNGSI IADA BARAT LAUT SELANGOR

1. Pertubuhan Peladang sebagai institusi berdaya maju dalam bidang perkhidmatan sokongan pertanian.
2. Pewujudan peladang komersial yang berdaya saing dan memberi sumbangan kepada sektor pertanian selaras dengan matlamat transformasi pertanian melalui pergerakan .
3. Pembangunan dan pengukuhan rangkaian aktiviti-aktiviti Pertubuhan Peladang

IADA
BARAT LAUT SELANGOR

## PENGENALAN

IADA (Integrated Agriculture Development Area) atau sebelum ini dikenali sebagai IADP (Integrated Agriculture Development Project) ditubuhkan berdasarkan konsep pembangunan pertanian secara bersepadu. IADA Barat Laut Selangor telah dibuka dengan rasminya oleh bekas Menteri Besar Negeri Selangor YAB. Datuk Hormat bin Rafei pada 6 Jun 1978.

IADA Barat Laut Selangor bertanggungjawab dalam pembangunan kawasan pertanian,tanaman dan penduduknya yang sedia ada. Struktur Organisasi dan pengurusan yang diamalkan oleh IADA adalah secara korporat dengan penyelarasan tiga agensi iaitu Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Lembaga Pertubuhan Peladang. IADA Barat Laut Selangor berhasrat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat golongan sasar kearah Negara berpendapatan tinggi.

Tumpuan pembangunan IADA Barat Laut Selangor melibatkan semua aktiviti pembangunan infrastruktur pertanian di kawasan penanaman padi seluas 19,057 ha yang merangkumi Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Di samping itu, usahawan-usahawan Industri Asas Tani di bawah bimbingan Lembaga Pertubuhan Peladang IADA Barat Laut Selangor juga dibantu dari segi modal insan serta keperluan peralatan  dan kemudahan pemprosesan makanan.

## KELUASAN FIZIKAL DAN JUMLAH PETANI KAWASAN IADA BARAT LAUT SELANGOR MENGIKUT BLOK

| BIL. | BLOK | LUAS (HA) | BIL. PETANI |
|---|---|---|---|
| 1. | SAWAH SEMPADAN | 2,328 | 1,139 |
| 2. | SUNGAI BURONG | 3,349 | 1,651 |
| 3. | SEKINCHAN | 1,746 | 784 |
| 4. | SG. LEMAN | 1,983 | 1,289 |
| 5. | PASIR PANJANG | 1,588 | 643 |
| 6. | SUNGAI NIPAH | 1,934 | 987 |
| 7. | PANCANG BEDENA | 3,430 | 1,714 |
| 8. | BAGAN TERAP | 2,437 | 1,268 |
| 9. | SUNGAI PANJANG | 262 | 218 |
| | JUMLAH | 19,057 | 9,693 |

## KELUASAN KAWASAN IADA BARAT LAUT SELANGOR MENGIKUT BLOK




## BILANGAN PETANI DI IADA BARAT LAUT SELANGOR MENGIKUT BLOK






IMEJ SATELIT KAWASAN IADA BARAT LAUT SELANGOR

## PETA KAWASAN IADA BARAT LAUT SELANGOR MENGIKUT BLOK








# RINGKASAN EKSEKUTIF PENYIASATAN PENGELUARAN PADI (PPP) TAHUN 2018 IADA BARAT LAUT SELANGOR

# RINGKASAN EKSEKUTIF PENYIASATAN PENGELUARAN PADI (PPP) TAHUN 2018IADA BARAT LAUT SELANGOR

Penyiasatan Pengeluaran Padi dijalankan setiap musim dengan diurusetiakan oleh Unit Perangkaan, Seksyen Teknologi dan Pengurusan Maklumat, Bahagian Perancangan, Teknologi Maklumat & Komunikasi, Jabatan Pertanian. Bagi Kawasan IADA Barat Laut Selangor, sebanyak 110 sampel lot telah dipilih untuk mendapatkan purata hasil bagi mewakili 19,057 hektar parcel padi. Pengumpulan dan pemprosesan sampel pada tahun 2018 telah dapat dilaksanakan dengan sempurna 100% seperti musim-musim sebelumnya .

Bagi tahun 2018 sebanyak 18,550 hektar telah ditanam dengan padi iaitu 96.31% daripada keluasan parcel pada Musim Utama 2018 dan Luar Musim 2018. Prestasi pengeluaran hasil purata padi di Kawasan IADA Barat Laut Selangor Musim Utama Tahun 2018 didapati telah menurun 1.25% iaitu 4,559Kg sehektar berbanding 4,617Kg sehektar musim sama tahun 2017 manakala bagi Luar Musim telah meningkat sebanyak 11.3% iaitu 4,902Kg sehektar berbanding 4,404Kg sehektar pada musim yang sama tahun 2017. Jumlah pengeluaran tahun 2018 telah meningkat sebanyak 5.35% dengan pengeluaran sebanyak 174,432 metrik tan berbanding 166,305 metrik tan pada tahun 2017.

Jadual 1 di sebelah menunjukkan keluasan tanaman mengikut kawasan dan bilangan sampel lot Penyiasatan Pengeluaran Padi manakala Jadual 2 menunjukkan data siri masa keluasan tanaman padi, hasil purata dan jumlah pengeluaran di IADA Barat laut Selangor.

Secara keseluruhannya, sumbangan IADA Barat Laut Selangor terhadap pengeluaran padi bagi keseluruhan jelapang adalah 9.58% manakala bagi keseluruhan sawah padi negara adalah sebanyak 6.00% bagi tahun 2018.

JADUAL 1

## PENYIASATAN PENGELUARAN TANAMAN PADI
## KELUASAN BERTANAM DAN BILANGAN SAMPEL TAHUN 2018

| BIL | DAERAH/UKT | KELUASAN BERTANAM (Ha.) | | BILANGAN SAMPEL |
|---|---|---|---|---|
| | | Musim Utama | Luar Musim | |
| a. | Kuala Selangor | **5,583** | **5,583** | |
| | Sawah Sempadan | 2,320 | 2,320 | 12 |
| 1 | Sawah Sempadan 1 | 837 | 837 | 4 |
| 2 | Sawah Sempadan 2 | 765 | 765 | 4 |
| 3 | Sawah Sempadan 3 | 719 | 719 | 4 |
| | | | | |
| | Sungai Burong | **3,262** | **3,262** | 19 |
| 4 | Sg. Burung 1 | 975 | 975 | 4 |
| 5 | Sg. Burung 2 | 718 | 718 | 4 |
| 6 | Sg. Burung 3 | 740 | 740 | 4 |
| 7 | Sg. Burung 4 | 828 | 828 | 7 |
| | | | | |
| b. | Sabak Bernam | **12,771** | **12,771** | |
| | Sekinchan | **1,690** | **1,690** | 12 |
| 8 | Sekinchan 1 | 870 | 870 | 6 |
| 9 | Sekinchan 2 | 820 | 820 | 6 |
| | | | | |
| | Sungai Leman | **1,952** | **1,952** | 12 |
| 10 | Sungai Leman 1 | 949 | 949 | 6 |
| 11 | Sungai Leman 2 | 1,002 | 1,002 | 6 |
| | | | | |
| | Pasir Panjang | **1,254** | **1,254** | 11 |
| 12 | Pasir Panjang 1 | 597 | 597 | 5 |
| 13 | Pasir Panjang 2 | 657 | 657 | 6 |
| | | | | |
| | Sungai Nipah | **1,895** | **1,895** | 10 |
| 14 | Sungai Nipah 1 | 1,053 | 1,053 | 5 |
| 15 | Sungai Nipah 2 | 843 | 843 | 5 |
| | | | | |
| | Panchang Bedena | **3,281** | **3,281** | 16 |
| 16 | Panchang Bedena 1 | 1,078 | 1,078 | 4 |
| 17 | Panchang Bedena 2 | 789 | 789 | 4 |
| 18 | Panchang Bedena 3 | 632 | 632 | 4 |
| 19 | Panchang Bedena 4 | 781 | 781 | 4 |
| | | | | |
| | Bagan Terap | **2,437** | **2,437** | 15 |
| 20 | Bagan Terap 1 | 651 | 651 | 5 |
| 21 | Bagan Terap 2 | 828 | 828 | 5 |
| 22 | Bagan Terap 3 | 958 | 958 | 5 |
| | | | | |
| | Sungai Panjang | **262** | **262** | 3 |
| 23 | Sungai Panjang | 262 | 262 | 3 |
| | | | | |
| | Jumlah | **18,354** | **18,354** | 110 |

JADUAL 2

## DATA SIRI MASA: KELUASAN BERTANAM, PURATA HASIL PADI BERSIH DAN PENGELUARAN PADI UNTUK KAWASAN JELAPANG PADI, IADA BARAT LAUT SELANGOR, 2004-2018

| TAHUN | SEMUA MUSIM | | | MUSIM UTAMA | | | LUAR MUSIM | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KELUASAN BERTANAM (Hektar) | PURATA HASIL PADI BERSIH (Kg/Ha.) | PENGELUARAN PADI (Metrik Tan) | KELUASAN BERTANAM (Hektar) | PURATA HASIL PADI BERSIH (Kg/Ha.) | PENGELUARAN PADI (Metrik Tan) | KELUASAN BERTANAM (Hektar) | PURATA HASIL PADI BERSIH (Kg/Ha.) | PENGELUARAN PADI (Metrik Tan) |
| **2004** | 37,233 | 4,829 | 179,808 | 18,604 | 5,174 | 96,257 | 18,629 | 4,485 | 83,551 |
| **2005** | 36,518 | 4,814 | 175,784 | 18,292 | 5,242 | 95,884 | 18,226 | 4,384 | 79,900 |
| **2006** | 36,754 | 4,717 | 173,376 | 18,399 | 4,877 | 89,732 | 18,355 | 4,557 | 83,644 |
| **2007** | 36,516 | 5,042 | 184,115 | 18,340 | 4,942 | 90,636 | 18,176 | 5,143 | 93,479 |
| **2008** | 36,602 | 4,761 | 174,247 | 18,301 | 4,542 | 83,127 | 18,301 | 4,979 | 91,121 |
| **2009** | 37,258 | 5,439 | 202,633 | 18,729 | 5,465 | 102,354 | 18,529 | 5,412 | 100,279 |
| **2010** | 37,472 | 5,612 | 210,292 | 18,729 | 5,708 | 106,905 | 18,743 | 5,516 | 103,386 |
| **2011** | 37,460 | 5,908 | 221,295 | 18,729 | 5,763 | 107,935 | 18,731 | 6,052 | 113,360 |
| **2012** | 37,835 | 5,989 | 226,580 | 18,901 | 5,825 | 110,098 | 18,934 | 6,152 | 116,482 |
| **2013** | 37,833 | 6,280 | 237,594 | 18,889 | 6,198 | 117,136 | 18,934 | 6,362 | 120,458 |
| **2014** | 37,842 | 6,403 | 242,320 | 18,925 | 6,247 | 118,224 | 18,917 | 6,560 | 124,096 |
| **2015** | 37,850 | 6,307 | 238,719 | 18,925 | 6,117 | 115,764 | 18,925 | 6,497 | 122,955 |
| **2016** | 38,114 | 5,825 | 222,033 | 19,057 | 6,096 | 116,171 | 19,057 | 5,555 | 105,862 |
| **2017** | 36,708 | 4,510 | 165,571 | 18,354 | 4,617 | 84,740 | 18,354 | 4,404 | 80,831 |
| **2018** | 36,868 | 4,730 | 174,432 | 18,354 | 4,559 | 83,676 | 18,514 | 4,902 | 90,756 |

## GRAF DATA PENGELUARAN HASIL PADI MENGIKUT MUSIM 2004-2018, IADA BARAT LAUT SELANGOR




| | 2004 | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Series1 | 5174 | 5242 | 4877 | 4942 | 4542 | 5465 | 5708 | 5763 | 5825 | 6198 | 6247 | 6117 | 6096 | 4617 | 4559 |





# PRESTASI KEWANGAN
## IADA BARAT LAUT SELANGOR
## 2018

# PRESTASI KEWANGAN IADA BARAT LAUT SELANGOR 2018

Peruntukan yang diperolehi oleh IADA Barat Laut Selangor di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi tahun 2018 adalah RM 10,171,230.00 melibatkan Peruntukan Mengurus dan Pembangunan.

Agihan daripada jumlah ini adalah RM 7,788,300.00 merupakan Peruntukan Mengurus manakala RM 2,383,230.00 adalah Peruntukan Pembangunan .

Butiran Peruntukan Mengurus yang terlibat bagi tahun 2018 adalah Emolumen (Kod 10000), Perkhidmatan/Bekalan Perkhidmatan (Kod 20000), Pemberian/Kenaan Bayaran Tetap (Kod 40000), Bayaran lain (Kod 50000), Bayaran/Pembaikan Mengurus (Kod 32000), Pemberian Dalam Negeri (Kod 42000) dan NKEA Mengurus (20000).

Peruntukan Pembangunan pula melibatkan empat Projek Pembangunan iaitu Pembangunan Dan Pengeluaran Padi Lestari IADA Barat Laut Selangor, Pembangunan Penilaian dan Penyesuaian Teknologi Tanaman Padi IADA Barat Laut Selangor, Menaiktaraf Jalan Pertanian Di Kawasan Jelapang dan Diluar Jelapang, Membina dan Menaiktaraf Taliair Sekunder dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Kawasan Pengairan Sawah Sempadan Daerah Kuala Selangor IADA Barat Laut Selangor, Pembangunan Industri Asas Tani IADA Barat Laut Selangor, NKEA Pembangunan, dan Kumpulan Penggunaan Air(KPA).

| | Mengurus | Pembangunan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| PERUNTUKAN | 7,788,300.00 | 2,383,230.00 | 10,171,230.00 |
| PERBELANJAAN | 7,300,185.36 | 2,383,138.34 | 9,683,323.70 |
| PRESTASI PERBELANJAAN | 93.74% | 100% | 95.20% |

## GRAF DATA PENGELUARAN HASIL PADI MENGIKUT MUSIM 2004-2018, IADA BARAT LAUT SELANGOR

| MENGURUS KESELURUHAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAHUN | 2018 | 2017 | 2016 | 2015 |
| JANUARI | 0.00 | 6.75 | 5.73 | 6.74 |
| FEBRUARI | 6.87 | 10.80 | 9.04 | 12.31 |
| MAC | 10.59 | 16.09 | 18.24 | 20.06 |
| APRIL | 16.52 | 21.02 | 24.74 | 28.00 |
| MEI | 28.39 | 31.28 | 32.39 | 38.62 |
| JUN | 34.36 | 36.93 | 42.62 | 47.23 |
| JULAI | 35.22 | 42.38 | 49.90 | 54.38 |
| OGOS | 62.83 | 49.67 | 57.71 | 63.25 |
| SEPTEMBER | 60.10 | 61.38 | 64.69 | 70.62 |
| OKTOBER | 65.89 | 69.16 | 72.34 | 78.50 |
| NOVEMBER | 71.47 | 92.04 | 85.34 | 85.64 |
| DISEMBER | 93.74 | 98.53 | 92.85 | 95.94 |



# PERBELANJAAN KESELURUHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN IADA BARAT LAUT SELANGOR TAHUN 2018

| BIL. | BUTIRAN | PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM) | PERUNTUKAN DITERIMA (RM) | PERBELANJAAN (RM) | PERATUS BELANJA (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| Projek Pembangunan IADA Barat Laut Selangor 2018 | | | | | |
| 1 | Pembangunan Dan Pengeluaran Padi Lestari | 500,000.00 | 500,000.00 | 499,998.94 | 100.00 |
| 2 | Pembangunan, Penilaian dan Penyesuaian Teknologi Tanaman Padi | 500,000.00 | 500,000.00 | 499,998.50 | 100.00 |
| Projek Pembangunan Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian IADA Barat Laut Selangor 2018 | | | | | |
| 4 | Menaiktaraf Jalan Pertanian Di Kawasan Jelapang Dan Di Luar Jelapang | 240,000.00 | 240,000.00 | 239,998.00 | 100.00 |
| 5 | Membina Dan Menaiktaraf Taliair Sekunder Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Kawasan Pengairan Sawah Sempadan, Daerah Kuala Selangor, IADA Barat Laut Selangor | 1,000,000.00 | 1,000,000.00 | 1,000,000.00 | 100.00 |
| Projek Pembangunan Industri Asas Tani IADA Barat Laut Selangor 2018 | | | | | |
| 8 | Pembangunan Industri Asas Tani | 115,000.00 | 115,000.00 | 114,998.90 | 100.00 |
| Pembangunan Industri Dan Eekonomi (PIEB) | | | | | |
| 9 | NKEA Pembagunan | 10,800.00 | 10,800.00 | 10,800.00 | 100.00 |
| 10 | Kumpulan Pengguna Air (KPA) | 17,430.00 | 17,430.00 | 17,364.00 | 99.62 |

# LAPORAN BAHAGIAN

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

# CARTA ORGANISASI
## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

KETUA BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
PEGAWAI PERTANIAN G41
ASPARINA BINTI MOHD JOHAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR, N32
MURSHIDI BIN MAHMUD

PEMBANTU TADBIR N22
MAZLINAH BINTI SANOSI

### SEKSYEN PENGURUSAN

#### UNIT PENTADBIRAN

PEMBANTU TADBIR N19

ABDUL RAHMAN BIN MARJI (KUP N22)
MOHD HANIZAM BIN JEMAIN (KUP N22)
SITI NORIZAN BINTI SAMSUDIN
NORZIEANA BINTI MUHAMMAD SAID
ROHAIDAH BINTI MISRAN
SUZANA BINTI ZAINAL
(BERTUGAS DI BHGN.KEJURUTERAAN PERTANIAN)

PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN N19
KOSONG

PEMBANTU OPERASI N11

KAMARUDIN BIN AHMAD
HAIRUL NIZAM BIN MD SHARIF

#### UNIT KEWANGAN

PEMBANTU TADBIR W19

HERNA FARINA BINTI MAT TARMEZI(KUP W29)
NOR ANITA BINTI KARNO

PEMBANTU TADBIR N19
SITI JAMILAH BINTI MOHD NASIR

SEKSYEN LOGISTIK DAN PENGURUSAN DOMESTIK

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

JURUTEKNIK KOMPUTER FT19
AHMAD SAIFULNIZAM BIN SA-ISMAIL

PEN. PEGAWAI PERTANIAN G29
MOHD KASHIM BIN SARMAN

PEMANDU H11

YUSNI BIN SAHUDIN
SAMSOL BIN MOKHTAR
MOHD ZAILAN BIN SULAIMAN
RAMIZU BIN MOHD RASDI
JAMALUDDIN BIN JANTAN
KHAIRI AKMAL BIN ANIS
SHADELI BIN GHAZALI
MOHD HAFIDZ BIN MOHD MUNJAR
KOSONG
KOSONG

UNIT PENGURUSAN DOMESTIK

PEMBANTU AWAM H11

MOHD SHAZRUL SYAFIQ BIN SAZALI
NOR AZIMAN BIN IBRAHIM
KOSONG
KOSONG



# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN





# KURSUS DAN LATIHAN

| BIL | BULAN | KURSUS/PROGRAM | PELAKSANAAN 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Januari | Program Keceriaan Pejabat | Gotong-Royong Perdana IADA BLS<br>Gotong-Royong PKPK Sungai Besar |
| 2. | Februari | Kursus Kewangan | Kursus Perolehan dan Sebutharga (ePerolehan) |
| 3. | Mac | Program Keceriaan Pejabat | Gotong-Royong PKPK Sungai Nipah |
| 4. | April | Kursus Pentadbiran<br>Program Keceriaan Pejabat | Kursus Protokol dan Pengurusan Majlis<br>Gotong-Royong PKPK Sekinchan |
| 5. | Mei | Ceramah Sempena Ramadhan<br>Program Pentadbiran | Penerapan Nilai Murni: Ramadhan Bulan Tarbiyyah oleh Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor<br>Hari Terbuka Bahagian Khidmat Pengurusan: Semakan Buku Perkhidmatan |
| 6. | Jun | Program Sempena Ramadhan | Majlis Berbuka Puasa Kakitangan & Keluarga IADA Barat Laut Selangor<br>Majlis Khatam Al Quran (Kakitangan Wanita) |
| 7. | Julai | Program Pentadbiran | Majlis Tautan Aidilfitri Tahun 2018 & Meraikan Pesara Siri 1/2018<br>Gotong-Royong PKPK Sungai Burong<br>Gotong-Royong Pejabat IADA BLS siri 2 |
| 8. | Ogos | Program Keceriaan Pejabat | Majlis Minum Petang Meraikan Pesara Siri 2/2018<br>Gotong-Royong Keceriaan Kemerdekaan |
| 9. | September | Program Pentadbiran | Majlis Minum Petang Meraikan Pegawai Bertukar |
| 10 | Oktober | Program Pentadbiran | Kursus Pengurusan Psikologi<br>Majlis Minum Pagi Meraikan Pegawai Bertukar |

## PROGRAM JOM GOTONG-ROYONG IADA BARAT LAUT SELANGOR BIL 1/2018

Pada 19 Januari 2018, warga kerja IADA Barat Laut Selangor bersama-sama menjayakan Gotong-royong Bil 1/2018. Bermula jam 8.30 pagi setelah selesai sarapan bersama sehingga jam 12.00 tengah hari. Pelbagai aktiviti pembersihan dilakukan bersama-sama oleh warga kerja IADA Barat Laut Selangor iaitu kawasan landskap dan kawasan luar bangunan seperti pembajaan pokok, menyapu sampah disemua zon, mengisi tanah semaian dn pembersihan nursery bunga-bungaan. Warga kerja dibahagikan kepada 4 kumpulan untuk melancarkan dan mempercepatkan lagi kerja-kerja pembersihan. Secara tidak langsung juga, semangat silaturrahim dapat dipupuk dan semakin erat.





## KURSUS EPEROLEHAN DAN SEBUTHARGA TAHUN 2018




Pada 7 Februari 2018 ,Bertempat di Bilik Gerakan IADA Barat Laut Selangor telah diadakan satu Kursus Eperolehan Dan Sebutharga. Kursus ini melibatkan seramai 43 orang kakitangan dari semua bahagian IADA Barat Laut Selangor.Semua peserta kursus telah diajar bagaimana untuk mengendalikan untuk mengendalikan transaksi Pembelian Terus secara atas talian. Antara peranan pengguna yang penting dalam proses ini adalah peminta, pelulus, urus setia dan pembekal. Dengan adanya sistem atas talian ini pembekal hanya perlu memuat naik katalog, secara tidak langsung memudahkan urusan pembelian terus. Para pegawai juga diajar berkenaan Modul Sebutharga dan Tender secara atas talian menggunakan sistem ePerolehan. Dengan adanya Sistem ePerolehan baharu semua proses dan dokumentasi adalah diatas talian, ia dapat menjimatkan masa dan boleh diakses dimana-mana sahaja termasuklah diperanti mudah alih. Semua proses seperti cipta sebut harga, cipta surat setuju terima, pemilihan pembekal dan kajian pasaran dibuat atas talian. Diharap dengan adanya kursus dan sistem yang baharu ini dapat meningkatkan lagi kecekapan dalam pengurusan di IADA Barat Laut Selangor.

## MAJLIS HI-TEA SEMPENA MERAIKAN MAJLIS PERSARAAN DAN PERTUKARAN PEGAWAI IADA BARAT LAUT SELANGOR





Pada 26 Februari 2018, Satu majlis telah diadakan bagi meraikan persaraan Tuan Haji Othman Bin Ngah dan meraikan pertukaran Encik Hasaman Bin Simbon yang akan berkuatkuasa pada 5 Mac 2018.Kami warga kerja IADA Barat Laut Selangor ingin mengucapkan selamat bersara kepada Tuan Haji Othman Bin Ngah yang akan berpencen pilihan dan kepada En Hasaman Bin Simbon selamat maju jaya, dan semoga terus berdedikasi dalam melaksanakan tugas dan amanah ditempat baru.

## MAJLIS PERPISAHAN PEGAWAI IADA BARAT LAUT SELANGOR DAN SAMBUTAN HARI RAYA EIDUL FITRI 2018/1439H

Dalam majlis dwi sambutan ini , pegawai IADA yang telah bersara dan bertukar telah diraikan bersama sebagai memberi penghargaan diatas jasa dan sumbangan mereka semasa berkhidmat di IADA Barat Laut Selangor.





## MAJLIS PERSARAAN

Majlis ini diadakan untuk meraikan warga kerja IADA Barat Laut Selangor yang akan bersara pada Tahun 2018. Dalam majlis ini, En Eliyas b Saad, Pengarah IADA Barat Laut Selangor mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang akan bersara kerana telah bersama-sama menaikan imej IADA Barat Laut Selangor dari awal perkhidmatan mereka sehingga sekarang ini.






## KURSUS PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN MAJLIS RASMI KERAJAAN

Penganjuran kursus ini adalah untuk memberikan kemahiran dan teknik pengurusan majlis rasmi supaya pegawai dan kakitangan lebih yakin dalam pengurusan majlis rasmi kerajaan. Matlamat akhirnya ialah dapat menyediakan pegawai dan kakitangan yang berilmu dan berpengetahuan untuk menjalankan tugas-tugas di setiap majlis rasmi yang dianjurkan dengan lancar, kemas dan tersusun.





## PEMASANGAN BENDERA JALUR GEMILANG

Sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, satu program gotong – royong pemasangan bendera telah dianjurkan bagi bertujuan menyemarakkan semangat patriotik dikalangan kakitangan khasnya dan para pengunjung atau pelawat ke Kompleks IADA Barat Laut Selangor





## PROGRAM LAWATAN DAN ZIARAH BEKAS PESARA IADA BARAT LAUT SELANGOR

Lawatan dan ziarah ini diketuai oleh En. Eliyas b. Saad, Pengarah IADA Barat Laut Selangor dan diturut sama oleh Ketua-Ketua Bahagian IADA serta beberapa orang kakitangan IADA Barat Laut Selangor.Tujuan lawatan dan ziarah diadakan adalah untuk mengetahui keadaan semasa dan kesihatan serta menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidil Fitri kepada En Mohd Aswad b Abdullah, 63 tahun yang merupakan salah seorang pesara dari pejabat IADA Barat Laut Selangor.





## MAJLIS MINUM PAGI BERSAMA EN. ELIYAS B.SAAD PENGARAH IADA BARAT LAUT SELANGOR.

Majlis diadakan sempena perpindahan En.Eliyas b. Saad, Pengarah IADA Barat Laut Selangor ke Jabatan Pertanian Malaysia,Putrajaya.Mula bertugas sebagai Ketua Komponen Pertanian di Projek Barat Laut Selangor pada 16 Mei 2007 pada ketika itu. Kemudiannya dinaikkan pangkat dan bertugas sebagai Pengarah IADA Pulau PInang pada awal Julai 2010 dan pada awal Jun 2013 beliau telah berpindah ke IADA Barat Laut Selangor sebagai Pengarah IADA Barat Laut Selangor sehingga sekarang.Pada 1 Oktober 2018 beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah, Bahagian Pengembangan Pertanian Dan Industri Asas Tani, Jabatan Pertanian Malaysia di Putrajaya.Kepada En.Eliyas b.Saad, seluruh warga kerja IADA Barat Laut Selangor mengucapkan tahniah dan selamat bertugas di tempat yang baharu dan selamat maju jaya.



# BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMANTAUAN

# CARTA ORGANISASI
## BAHAGIAN PERANCANGAN & PEMANTAUAN

- KETUA BAHAGIAN (PERANCANGAN)
  PEGAWAI PERTANIAN, G41/G44
  **LAILATULLAILA BINTI SHAARI**
  - PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN, G32
    KOSONG
    - UNIT PERANCANGAN
      - PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN, G29
        SUHAILI BINTI SAHARI
    - UNIT DATA
      - PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAN, E29
        NORSAZWANI BINTI RUSDI
    - UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
      - PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN, G29
        BORHAN BIN ABDULLAH

## PROGRAM KAJIAN SOSIO EKONOMI PESAWAH IADA BARAT LAUT SELANGOR TAHUN 2018

Seramai 1160 orang pesawah telah dipilih untuk terlibat didalam satu Program Kajian Sosio Ekonomi Pesawah Dalam Kawasan IADA Barat Laut Selangor pada 29 Ogos 2018 hingga 6 September 2018. Kajian adalah bertujuan untuk mengetahui keadaan semasa tahap sosio ekonomi pesawah didalam kawasan jelapang padi IADA Barat Laut Selangor.





## PEMANTAUAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK 11 KAWASAN IADA BARAT LAUT SELANGOR



## LAWATAN DARI INSTITUSI PENGAJIAN

| BULAN | TARIKH | TAJUK | PESERTA |
|---|---|---|---|
| **November** | 1/11/2018 | Lawatan Peserta Pascasiswazah Pegawai Tadbir dan Diplomatik | 20 |
| | 30/11/2018 | Lawatan Akademi dari UiTM Arau, Perlis | 30 |
| **JUMLAH PELAWAT** | | | **50** |

## LAWATAN DARI AGENSI LUAR DAN DALAM NEGARA

| BULAN | TARIKH | TAJUK | PESERTA |
|---|---|---|---|
| **Januari** | 21/0/2018 | Lawatan IADA Pulau Pinang | 20 |
| **Februari** | 27/0/2018 | Lawatan Bahagian Kejuruteraan Pertanian IADA Rompin, Pahang | 5 |
| **Mac** | 12-13/0/2018 | Lawatan IADA Ketara | 50 |
| | 28/0/2018 | Lawatan Jabatan Pertanian Korea Selatan bersama Jabatan Pertanian Putrajaya | 20 |
| **April** | 2/4/2018 | Lawatan Turun Padang Timbalan Perdana Menteri Malaysia | - |
| | 5/4/2018 | Lawatan Pejabat Ketua Menteri Sabah | 25 |
| **Julai** | 2-3/7//2018 | Lawatan IADA Seberang Perak dan Hands On Projek EE | 30 |
| **Ogos** | 01/8/2018 | Lawatan dan Mesyuarat EXCO Pemantauan Pertanian Selangor | 15 |
| **September** | 12/9/2018 | Lawatan Jabatan Penerangan Negeri Selangor Sempena Hari Malaysia | 5 |
| | 13/9/2018 | Lawatan Agen-Agen Pengeluaran Bahan Pertanian KENSO Australia | 45 |
| | 27/9/2018 | Lawatan Rukun Tertangga Raub | 50 |
| **Oktober** | 18/10/2018 | Lawatan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kedah | 35 |
| | 25/10/2018 | Lawatan MADA | 30 |
| **November** | 12/11/2018 | Lawatan Pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Pahang | 35 |
| | 23/11/2018 | Lawatan Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua-Ketua Tani MADA | 45 |
| | 28/11/2018 | Lawatan dari Peserta Taklimat MANCID | 25 |
| **JUMLAH PELAWAT** | | | **435** |





## LAWATAN PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP PERMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI KE KOMPLEKS IADA BARAT LAUT SELANGOR

Satu lawatan dan Mesyuarat Khas Berkaitan Padi Angin telah diadakan oleh YB Exco Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani Negeri Selangor Tuan Ir Izham b. Hashim, di IADA Barat Laut Selangor pada 1 Ogos 2018.Lawatan dan mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hala tuju dan pelaksanaan program-program jabatan khususnya IADA Barat Laut Selangor untuk tahun 2018.Taklimat Perancangan dan Pembangunan serta hala tuju IADA telah disampaikan oleh En Eliyas b Saad, Pengarah IADA Barat Laut Selangor dan setelah itu majlis di teruskan dengan Mesyuarat Khas Kawalan Padi Angin yang di pengerusikan oleh YB Exco dan Pengarah IADA Barat Laut Selangor sebagai Pengerusi Bersama. Turut hadir dalam lawatan dan mesyuarat ini adalah Ketua-Ketua Bahagian IADA, Pegawai-Pegawai Jabatan Pertanian Negeri dan Daerah yang terlibat dengan padi, Agensi MARDI dan Pegawai Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor serta Pegawai dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor




## LAWATAN KERJA PEGAWAI DAN PETANI IADA KETARA KE IADA BARAT LAUT SELANGOR

Tujuan program lawatan ini adalah untuk memberi pengetahuan dan menambah pengalaman peserta petak model Kumpulan Pengguna Air (KPA), taklimat Rice Check serta taklimat pengenalan Rice Traceability Programme (RTP).







## KARNIVAL PERPADUAN DAN KESEJAHTERAAN (KPKT) PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Karnival yang diadakan ini merupakan satu bentuk penjenamaan semula Program Transformasi Sosial (PTS). Dalam penjenamaan semula PTS, KPKT telah mengadakan engagement dengan penduduk setempat dan mengenal pasti apakah keperluan dan kecenderungan penduduk setempat. Di Tanjong Karang program pelaksanaan lebih tertumpu kepada Kebun Komuniti.



## LAWATAN KERJA NATIONAL INFORMATION SOCIETY AGENCY (NIA) OF KOREA KE IADA BARAT LAUT SELANGOR

**Objektif projek tersebut adalah untuk meningkatkan kesediaan negara-negara ASEAN +3 terhadap isu keselamatan makanan serta mengukuhkan sistem bantuan bersama negara anggota melalui perkongsian pengetahuan dan maklumat dalam mengendalikan 'ASEAN +3 Rice Trade Model'**







## MAJLIS PENGISYTIHARAN VARIETI PADI BARU MARDI OLEH MENTERI PERTANIAN YB DATO' SRI AHMAD SHABERY BIN CHEEK

**Dua varieti baharu padi iaitu padi MARDI Sempadan 303 dan MARDI Sebernas 307 telah dilancarkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek pada bulan April 2018.**

### LAWATAN TEKNIKAL IADA ROMPIN, PAHANG KE IADA BARAT LAUT SELANGOR

Tujuan lawatan ini adalah untuk perbincangan dan melihat penggunaan sistem pam elektrik untuk bekalan air sawah yang telah digunapakai oleh IADA Barat Laut Selangor. Taklimat lawatan ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Hafiz Bin Ahmad Jurutera Bahagian bersama pegawai -pegawai Bahagian Kejuruteraan Pertanian Sungai Besar dan Kuala Selangor.










### HARI LADANG KAWALAN PADI ANGIN UNTUK PENINGKATAN HASIL

Koperasi Pengurusan Berpusat Padi Parit Lima Timur (KPBPLT), Sungai Besar, Selangor dengan kerjasama syarikat BASF (Malaysia) Sdn Bhd melaksanakan teknologi dikenali sebagai Sistem Pengeluaran Clearfield (SPC). Hadir sama, Pengarah Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur DOA Mohd Nasir Warris dan Pengerusi KPBPLT Mohd Saleh Abd Wahab.





### LAWATAN TIMBALAN MENTERI PERTANIAN, YB SIM TZE TZIN KE SEKINCHAN

Timbalan Menteri Pertanian, YB Sim Tze Tzin turun padang mendengar keluhan dan pandangan petani serta nelayan di kawasan Sekinchan untuk menambahkan produktiviti tempatan.



## PENYAMPAIAN BENDERA JALUR GEMILANG OLEH ADUN BUKIT MELAWATI, Y.B. PUAN JUWAIRIYA ZULKIFLI

ADUN Bukit Melawati, Y.B. Puan Juwairiya telah menghadiri majlis penyerahan bendera Malaysia kepada kenderaan MOA dan kereta pegawai di Perkarangan Pejabat Pertanian Daerah Kuala Selangor.

## PERASMIAN PUSAT BELIAN PADI PPK PASIR PANJANG OLEH MENTERI PERTANIAN, Y.B. DATO' SALAHUDDIN AYUB

Semasa merasmikan Pusat Belian Padi PPK Pasir Panjang, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pesawah di negara ini perlu lebih berdaya saing dalam usaha memperolehhasil padi berkualiti. Ia berikutan hasil padi bermutu dapat mengurangkan peratusan padi hijau dan muda yang menimbulkan isu pemutuan komoditi itu.









## SESI TEMURAMAH BERSAMA AKHBAR BERITA HARIAN BERKAITAN KAWALAN PADI ANGIN DIKAWASAN IADA BARAT LAUT SELANGOR

Satu temuramah bersama akhbar Berita Harian telah diadakan pada 8 Mac 2018 . Tujuan temuramah ini berkaitan isu dan masalah padi angin yang melibatkan petani di kawasan IADA Barat Laut Selangor. Semua isu dan masalah telah dijawab dan diberi penerangan oleh Encik Eliyas Bin Saad Pengarah IADA Barat Laut Selangor bersama unit PTIF Sg Burong , Unit BIOSEKURITI serta Jabatan Pertanian Putrajaya.

# BAHAGIAN PERTANIAN


KETUA BAHAGIAN PERTANIAN
PEGAWAI PERTANIAN G48
ZAIFIWAN BIN MAT ZIN
SEKSYEN PENGEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN PERTANIAN KUALA SELANGOR UTARA
SEKSYEN PENGEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN PERTANIAN SABAK BERNAM SELATAN
SEKSYEN PENGEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN PERTANIAN SABAK BERNAM TENGAH
PEGAWAI PERTANIAN,G41/G44
THILAGA A/P BATUMALI
PEGAWAI PERTANIAN,G41/G44
KOSONG
PEGAWAI PERTANIAN,G41/G44
SYALIZA HANOM BINTI ZAKARIA
PKPK
S.SEMPADAN
PKPK
SG. BURONG
UNIT SOKONGAN
MARINA BINTI ABD. MAJID (N19)
PKPK
SUNGAI BESAR
PEN.PEG.PERT G29
NORZAIMI B OMAR
PEN.PEG.PERT G29
AHMAD AZWAN B AHMAD ANUAR
PEN.PEG.PERT G29
